

**MALAYSIA**  
**DEWAN RAKYAT**  
**ATURAN URUSAN MESYUARAT**

**NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA**

<http://www.parlimen.gov.my>

**HARI SELASA, 18 OKTOBER 2011, PUKUL 10.00 PAGI**

**Bil. 43**

---

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN**

1. PR-1243-L46097  
**Dato' Mohd Jidin bin Shafee [ Setiu ]** minta **MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN** menyatakan langkah-langkah Kementerian dalam memastikan wartawan tempatan yang membuat liputan di kawasan konflik atau perang dilindungi dan apakah usaha Kementerian dalam menjalinkan hubungan dengan agensi-agensy media berkaitan dalam menangani isu itu.
2. PR-1243-L46133  
**Dr. Tan Seng Giaw [ Kepong ]** minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN DAN KESEJAHTERAAN BANDAR** menyatakan bilangan program yang sedia dan akan dilaksanakan untuk memperbaiki sistem pengangkutan di Kuala Lumpur termasuk kawasan Kepong. Apakah masalah yang dihadapi dan syor untuk mengatasinya.
3. PR-1243-L45361  
**Datuk Sapawi bin Haji Ahmad [ Sipitang ]** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan perkembangan cadangan pembinaan lebuh raya empat lorong Kota Kinabalu-Papar-Beaufort-Sipitang, memandangkan jalannya perlu dinaik taraf dan sering mengundang banyak kemalangan.
4. PR-1243-L47028  
**Tuan Sim Tong Him [ Kota Melaka ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan :-
  - (a) bilangan lesen pengilang ( *manufacturing licence* ) yang dikeluarkan oleh Kementerian sehingga bulan Ogos tahun ini dan nyatakan semua syarat dan keperluan untuk mendapatkan lesen ini; dan
  - (b) asas pertimbangan untuk mengecualikan syarat dan keperluan untuk lesen ini.

5. PR-1243-L45305  
**Puan Tan Ah Eng [ Gelang Patah ]** minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan :-
  - (a) langkah-langkah untuk menyelesaikan masalah banjir berpunca daripada Tapak Projek Pembinaan Kompleks 7 Briged Kem Skudai; dan
  - (b) bilakah Projek Pemulihan berkaitan akan bermula selepas lawatan PAC.
6. PR-1243-L46412  
**Tuan Chua Tian Chang [ Batu ]** minta **MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN** menyatakan :-
  - (a) sama ada Kerajaan akan membubarkan Majlis Perundingan Media (MPM) setelah mendapat bantahan keras daripada kalangan anggota media; dan
  - (b) bagaimana pihak Kementerian melantik anggota-anggota MPM dan mengapakah tidak merangkumi media portal online dan MPM.
7. PR-1243-L46109  
**Datuk Wira Ahmad bin Haji Hamzah [ Jasin ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah Bank Negara Malaysia (BNM) memikirkan kaedah terbaik untuk mengguna pakai emas sebagai alternatif mata wang dan menggalakkan simpanan mengambil kira masyarakat antarabangsa menganggap komoditi ini sebagai '*safe heaven*'.  
*heaven*'.
8. PR-1243-L46929  
**Dato' Ngeh Koo Ham [ Beruas ]** minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan sama ada beliau bersedia menjadikan semua sekolah-sekolah bantuan modal di ladang kepunyaan GLC (Government Link Companies) seperti Sime Darby Berhad sekolah bantuan penuh Kerajaan. Kalau tidak, kenapa.
9. PR-1243-L45121  
**Datuk Siringan bin Gubat [ Ranau ]** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan perkembangan terkini projek Komuniti Kolej di Ranau. Adakah tapak sudah tersedia dan bilakah pelaksanaannya dapat dimulakan.
10. PR-1243-L45299  
**Dato' Kamarul Baharin bin Abbas [ Telok Kemang ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan setakat manakah tahap perancangan dan pelaksanaan yang telah dibuat oleh Suruhanjaya Kesaksamaan Peluang (*Equal Opportunity Commission*) untuk merealisasikan objektif penubuhan suruhanjaya tersebut.

11. PR-1243-L46068  
**Dato' Seri Dr. Abdullah bin Md. Zin [ Besut ]** minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan statistik pelajar sekolah menengah yang terlibat dalam kes jenayah mengikut negeri dalam tempoh lima (5) tahun.
12. PR-1243-L45746  
**Puan Chong Eng [ Bukit Mertajam ]** minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan kemudahan-kemudahan yang disediakan untuk kanak-kanak kurang upaya di tadika, sekolah rendah dan sekolah menengah. Nyatakan jumlah kanak-kanak kurang upaya di ketiga-tiga jenis sekolah ini.
13. PR-1243-L46742  
**Tuan Liang Teck Meng [ Simpang Renggam ]** minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan sebab-sebab SEDA lambat dilancarkan. Adakah Kementerian belum bersedia sedia menghadapi cabaran atau mendapat tekanan dari pihak-pihak tertentu.
14. PR-1243-L46132  
**Tuan Lim Guan Eng [ Bagan ]** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan peruntukan yang diberikan kepada Universiti Sains Malaysia (USM) untuk menampung kos operasinya. Berapakah jumlah kakitangan USM, pelajar dan program-program yang ditawarkan (termasuk program berkembar dari kolej-kolej) kini dan apakah prestasi yang dicapai mengikut kayu pengukur antarabangsa.
15. PR-1243-L45792  
**Datuk Dr. Muhammad Leo Michael Toyad [ Mukah ]** minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan bila agaknya pelaksanaan untuk menambahkan "booster" sistem untuk bekalan air luar bandar yang sudah ada bekalan tapi tidak cukup tekanan air.
16. PR-1243-L46550  
**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [ Permatang Pauh ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan mekanisme Kerajaan Pusat untuk memantau kutipan dan pengagihan wang zakat Malaysia yang keseluruhannya kutipan tahun lalu berjumlah hampir RM 1.2 bilion dan langkah komprehensif yang akan dilakukan untuk memperbaiki sistem pengagihan wang zakat dalam negara.
17. PR-1243-L46423  
**Datuk Alexander Nanta Linggi [ Kapit ]** minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan langkah dan strategi bagi membantu penduduk-penduduk pedalaman dan luar bandar di negara ini meningkatkan pendapatan mereka dan seterusnya keluar daripada kepompong kemiskinan khususnya penduduk-penduduk pedalaman bahagian Kapit.

18. PR-1243-L46942  
**Tuan Tan Kok Wai [ Cheras ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sebab-sebab Kerajaan masih terus menggunakan Ordinan Darurat dan sejauh mana Kerajaan beranggapan peningkatan fahaman komunis adalah selaras dengan pemakaian ordinan dan adakah Kerajaan beranggapan bahawa dengan hanya memiliki dokumen komunis termasuk buku-buku mengenai komunisme dan pakaian sahaja adalah bahan-bahan subversif.
19. PR-1243-L45512  
**Datuk Azalina binti Dato' Othman Said [ Pengerang ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan tindakan yang akan diambil terhadap mereka yang menggunakan pentas ceramah secara jelas cuba memutar belitkan sejarah dengan memberikan fakta yang mengelirukan serta menafikan para pejuang-pejuang negara yang bermati-matian menentang penganas komunis suatu ketika dahulu.
20. PR-1243-L45395  
**Puan Fong Po Kuan [ Batu Gajah ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapakah jumlah peruntukan pembangunan dan peruntukan khas yang telah diberi kepada setiap Kawasan Parlimen dan Ahli Parlimen BN dari tahun 2008 sehingga kini. Berikan senarai terperinci perbelanjaan peruntukan tersebut bagi Parlimen Batu Gajah.
21. PR-1243-L46049  
**Tengku Razaleigh Hamzah [ Gua Musang ]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan tindakan Kerajaan menghadapi ancaman krisis makanan global di mana bekalan beberapa jenis makanan bakal berkurangan di pasaran supaya rakyat juga terhindar dari ancaman kekurangan beras memandangkan simpanan beras negara yang hanya berjumlah 360,000 tan cukup bagi tempoh satu bulan sahaja.
22. PR-1243-L45898  
**Puan Teo Nie Ching [ Serdang ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan hasil siasatan pasukan khas siasatan yang ditubuhkan oleh SPRM untuk menyiasat Hishamuddin Hashim, Mohd Anuar Ismail dan Mohd. Ashraf Mohd Yunus, dan sama ada mereka akan didakwa di mahkamah di bawah Seksyen 304A atau Seksyen 120A Kanun Keseksaan.
23. PR-1243-L45257  
**Datuk Seri Panglima Wilfred Mojilip Bumburing [ Tuaran ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berapakah jumlah pendatang tanpa izin dan pekerja asing yang telah berdaftar di Sabah di bawah progam 6P, berapa jumlah yang telah kembali ke negara asal mereka dan kenapa pendaftaran tersebut tidak merangkumi pelarian dan pembantu rumah di Sabah.

24. PR-1243-L46886  
**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [ Gombak ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan prosedur apakah yang digunakan dalam penganugerahan projek-projek hartanah yang bernilai tinggi khususnya tanah bekas tapak Penjara Pudu, Lapangan Terbang TUDM Sungai Besi dan Lembaga Penyelidikan Getah (RRI) Sungai Buloh. Apakah status pembangunan di tapak-tapak berkenaan. Sila jelaskan penyertaan kepentingan Bumiputera dalam pembangunan hartanah tersebut.
25. PR-1243-L45252  
**Ir. Haji Hamim Bin Samuri [ Ledang ]** minta **MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN** menyatakan tahap kualiti penerimaan gelombang (*wave coverage*) bagi telefon mudah alih di negara ini kerana ramai yang merungut talian sering terputus di sepanjang Lebuhraya PLUS.
26. PR-1243-L45275  
**Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [ Sungai Siput ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bilangan graduan daripada kursus diploma kejururawatan di universiti dan kolej swasta yang diambil sebagai kakitangan Kementerian Kesihatan setiap tahun dari 2006 hingga ke 2010.
27. PR-1243-L46410  
**Dato' Haji Ismail Bin Haji Mohamed Said [ Kuala Krau ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah ada laluan dan stesen Transit Aliran Massa yang dikenal sebagai My Rapid Transit (MRT) berdekatan Parlimen Malaysia seiring dengan perkembangan Greater KL.
28. PR-1243-L46902  
**Dato' Zulkifli bin Noordin [ Kulim Bandar Baru ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-
- (a) adakah Kerajaan bercadang membawa pertuduhan jenayah laporan palsu terhadap YB Permatang Pauh berkaitan laporan polis beliau membabitkan sebuah video klip; dan
  - (b) adakah Kerajaan bercadang membawa pertuduhan syarie terhadap YB Permatang Pauh berkaitan pendedahan di dalam video klip tersebut.
29. PR-1243-L45378  
**Tuan Ding Kuong Hiing [ Sarikei ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sejauh manakah usaha Kementerian menjadikan Hospital Besar Sarikei sebagai sebuah Hospital Pakar sehingga sekarang dan menyatakan secara terperinci rancangan-rancangan khasnya kemudahan peralatan, sumber manusia dan modal insan.

30. PR-1243-L45834  
**Tuan William Leong Jee Keen [ Selayang ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bilangan orang mengikut negara asal dan bangsa yang telah diberikan kewarganegaraan dalam lima (5) tahun yang lalu dan tempoh masa yang diambil untuk memproses permohonan-permohonan tersebut.
31. PR-1243-L45102  
**Datuk Dr. Marcus Mojigoh [ Putatan ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan :-
- (a) jumlah warga asing yang telah diberikan status penduduk tetap serta alasan pemberian status tersebut, menurut pecahan negara asal mereka; dan
  - (b) jumlah permohonan untuk menjadi warganegara yang telah diluluskan dan ditolak (serta alasan mengapa ditolak) khasnya permohonan oleh kaum Cina di negeri Sabah.
32. PR-1243-L45763  
**Tuan Salahuddin Bin Haji Ayub [ Kubang Kerian ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapakah jumlah wang ehsan yang telah dibelanjakan untuk negeri Kelantan. Nyatakan bentuk agihan wang ehsan tersebut dan adakah Kerajaan negeri dirundingkan dalam perbelanjaan wang ehsan ini.
33. PR-1243-L46530  
**Tuan Karpal Singh [ Bukit Gelugor ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Kerajaan bersedia untuk meminda Akta Undang-undang Sivil 1956 untuk memasukkan kehilangan pendapatan masa depan sebagai ganti rugi melebihi umur bersara 58 tahun dalam kedua-dua sektor awam dan swasta. Jika tidak, nyatakan sebab-sebabnya.
34. PR-1243-L46648  
**Tuan Tony Pua Kiam Wee [ Petaling Jaya Utara ]** minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan secara terperinci sebab Kerajaan membeli 257 buah kereta perisai daripada Deftech Sdn. Bhd. dengan harga RM7.8 bilion walaupun Deftech dilaporkan membeli 257 buah kereta tersebut daripada syarikat Turkey FNSS dengan harga US\$559 juta (RM1.68 bilion) sahaja.
35. PR-1243-L46273  
**Tuan Liew Chin Tong [ Bukit Bendera ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan jumlah permohonan, kelulusan, dan geran yang disediakan atau dialokasikan (RM), mengikut jenis geran kepada semua industri kecil dan sederhana (IKS) yang dibekalkan oleh Kerajaan Persekutuan, dari tahun 2000 hingga 2011.

36. PR-1243-L46772  
**Tuan Hee Loy Sian [ Petaling Jaya Selatan ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan mengapa Kerajaan menarik balik kes saman ke atas bekas Pengerusi Eksekutif Malaysia Airline (MAS), Tan Sri Tajuddin Ramli berkenaan dengan kerugian RM 8 Billion ketika MAS diterajui oleh Tan Sri Tajuddin antara tahun 1994 sehingga 2001.
37. PR-1243-L46906  
**Puan Teresa Kok Suh Sim [ Seputeh ]** minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan bilangan SJKC, SJKT dan Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan yang baru yang diluluskan oleh Kementerian Pelajaran pada tempoh 2008 sehingga 2011. Sila nyatakan apa yang akan dilakukan oleh Kementerian Pelajaran untuk mengatasi peningkatan permintaan terhadap aliran sekolah tersebut.
38. PR-1243-L46216  
**Tuan Lim Kit Siang [ Ipoh Timur ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan kenapa pemeriksaan kenderaan diperlukan untuk pemindahan nama kepada waris memandangkan ia bukan suatu urusan niaga.
39. PR-1243-L45948  
**Dato' Sri Haji Zulhasnan bin Rafique [ Setiawangsa ]** minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan keberkesanan strategi Kerajaan di dalam pewujudan pengkhususan pusat-pusat sukan dengan kemudahan prasarana latihan dan stadium yang lengkap bagi sukan-sukan tertentu dan peranan sektor korporat di dalam menjayakan program ini.
40. PR-1243-L47004  
**Dato' Seri Abdul Hadi bin Awang [ Marang ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh manakah kesediaan pihak Kerajaan untuk tidak mengadakan Pilihan Raya Umum ke 13 sebelum usaha membersihkan senarai pemilih dilakukan dan melaksanakan ke semua lapan tuntutan NGO dan parti politik ke arah pilihan raya yang lebih bebas, telus dan adil.
41. PR-1243- L47113  
**Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [ Pasir Salak ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan mengenai tanda tanya dan kegelisahan masyarakat umum berhubung dengan terdapatnya kes-kes di mahkamah yang ditangguh berkali-kali sehingga mengambil masa bertahun-tahun perbicaraan dan kemungkinan menjejaskan proses menegakkan keadilan.
42. PR-1243-L45372  
**Tuan Haji Nasharudin bin Mat Isa [ Bachok ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah fungsi Majlis Perundingan Islam yang ditubuhkan oleh Kerajaan dan untuk tiga tahun yang lepas berapa kalikah mesyuarat telah dijalankan dan apakah hasil daripada mesyuarat-mesyuarat tersebut.

43. PR-1243-L45231  
**Puan Hajah Nancy binti Haji Shukri [ Batang Sadong ]** minta **MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN** menyatakan sama ada Kementerian mempunyai perancangan untuk membina perpustakaan desa di kawasan luar bandar dan menaik taraf perpustakaan desa yang sedia ada di kawasan luar bandar.



**ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL**

1. (D.R.29/2011) Rang Undang-undang Perbekalan 2012 – **Menyambung semula Perbahasan atas masalah, “Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang” (17 Oktober, 2011)**

**DAN**

**Usul dibuat oleh YAB Menteri Kewangan dan masalah dicadangkan :-**

“Bahawa Dewan ini, mengikut subseksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [Akta 406], membuat ketetapan iaitu suatu jumlah wang sebanyak tidak lebih dari lima puluh satu bilion dua ratus empat puluh lapan juta sembilan ratus ribu ringgit (RM51,248,900,000) dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun 2012, dan bagi tujuan dan butiran perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau (“P”) dalam senarai Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2012, yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 9 Tahun 2011, adalah diuntukkan di bawah Maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang bersementaraan dengan butiran-butiran itu di ruangan enam dan tujuh senarai tersebut.”

**Menyambung semula Perbahasan atas masalah (17 Oktober, 2011)**

2. (D.R. 30/2011) Rang Undang-undang Kewangan (No. 2) **Bacaan Kali Yang Kedua**  
2011

**[ Kementerian Kewangan ]**

3. (D.R. 37/2009) Rang Undang-undang Cukai Barang dan Perkhidmatan 2009 “

**[ Kementerian Kewangan ]**

4. **Menteri Kewangan** akan mencadangkan:-

“Bahawa Dewan ini, mengikut peruntukan di bawah Seksyen 5 Akta Persatuan Pembangunan Antarabangsa 1960, mengambil ketetapan bersetuju supaya Malaysia membuat sumbangan Dana Tambahan Keenam Belas kepada Persatuan Pembangunan Antarabangsa (IDA 16) sebanyak USD119,275 (RM368,208).”

5. PR-1243-U45136  
**Datuk Dr. Marcus Mojigoh [ Putatan ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa migrasi keluar atau *Brain Drain* di negara ini amat serius sehinggakan terdapat kajian oleh National Economic Advisory Council mengatakan bahawa , sejak tahun 1960 hingga tahun 2005 sahaja, seramai 1,489,168 telah berhijrah keluar dari negara ini.

Dan mengambil maklum bahawa kehilangan sumber tenaga yang begitu berharga ini akan membantutkan lagi usaha Kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebagai negara berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020. Bagi Malaysia untuk mencapai status negara berpendapatan tinggi, Malaysia hendaklah membangunkan, menarik dan mempertahankan sumber manusia yang ada. Dan mengambil maklum bahawa, antara penyebab utama fenomena ini adalah potensi pendapatan, prospek karier / kenaikan pangkat, kualiti pendidikan, kualiti kehidupan dan tidak kurang pentingnya, ketidakpuasan hati ke atas faktor polisi yang dianggap berbaur diskriminasi terutama sekali di kalangan bukan Bumiputera, masyarakat Cina dan India. Dan mengambil maklum juga bahawa faktor-faktor legislatif, isu sosial-politik dalaman, peluang pendidikan dan tawaran / tarikan negara luar juga memainkan peranan utama dalam hal ini. Maka dengan ini Dewan hendaklah mengambil ketetapan untuk meminta Kerajaan agar dapat menubuhkan satu badan khas bagi mengkaji masalah-masalah yang dibangkitkan di atas, dengan tujuan untuk meminda mana-mana akta dan polisi yang dianggap mendiskriminasikan satu-satu pihak serta menambah baik mana-mana akta dan polisi agar sumber tenaga yang sedia ada dapat dipertahankan sementara usaha untuk menarik balik mereka yang telah berhijrah diperhebatkan."

**(Perdana Menteri)**

6. PR-1243-U45139

**Datuk Dr. Marcus Mojigoh [ Putatan ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa di negeri Sabah, terdapat ramai kanak-kanak jalanan, gelandangan dan pengemis yang tinggal di bawah jambatan, bangunan terbiar dan tempat awam. Dan mengambil maklum bahawa terdapat juga di antara mereka ini adalah dari kalangan warga asing dan tidak mempunyai dokumen pengenalan diri. Dan mengambil maklum bahawa, kebanyakan mereka ini berkeliaran di bandar-bandar utama yang juga menjadi tempat tumpuan para pelancong. Nyata sekali, senario ini akan memberikan gambaran negatif kepada negara di kaca mata para pengunjung ini. Dan mengambil maklum bahawa, walaupun pihak-pihak tertentu telah pun mengambil tindakan untuk menangani masalah ini, namun ianya masih berlaku kerana tidak ada usaha bersepadu daripada semua agensi yang terlibat. Maka dengan ini Dewan hendaklah mengambil ketetapan untuk meminta Kerajaan, untuk menubuhkan satu badan khas untuk menangani masalah ini, di mana semua agensi yang berwajib hendaklah dimasukkan dalam badan khas ini supaya semua isu berkaitan dapat ditangani dengan sekali gus."

**(Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat)**

7. PR-1243-U45140  
**Datuk Dr. Marcus Mojigoh [ Putatan ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa usaha pihak syarikat penyiaran swasta, Astro untuk menyiarkan program berteraskan pendidikan, terutama sekali rancangan khas bagi calon UPSR, PMR dan SPM, amatlah disanjung tinggi. Dan mengambil maklum bahawa selain siaran program-program di atas, pihak Astro juga boleh memainkan peranan mereka dalam menyiarkan program-program yang berasaskan informasi mengenai dengan polisi dan perkhidmatan Kerajaan, misalnya, jenis-jenis bantuan, kemudahan, pinjaman, biasiswa dan program peningkatan ekonomi serta kemasyarakatan yang disediakan oleh Kerajaan. Maka dengan ini Dewan hendaklah mengambil ketetapan untuk meminta Kerajaan untuk meminda mana-mana polisi dan peraturan sedia ada untuk meminta mana-mana syarikat penyiaran swasta untuk menyiarkan maklumat yang dimaksudkan di atas di bawah program kemasyarakatan (CSR) mereka."

**(Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan)**

8. PR-1243-U45141  
**Datuk Dr. Marcus Mojigoh [ Putatan ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa membangunkan modal insan negara ini tidak boleh dipikul dan dimainkan oleh Kerajaan sahaja. Dan mengambil maklum bahawa pihak swasta dan badan-badan keagamaan juga memainkan peranan yang penting untuk membangunkan modal insan negara yang bermoral dan berbudi bahasa. Dan mengambil maklum bahawa, kebanyakan badan-badan keagamaan ini beroperasi dengan dana yang terhad sama ada ianya disumbangkan oleh ahli-ahlinya atau sumbangan orang ramai. Dan mengambil maklum juga bahawa peranan badan-badan sukarela ini dapat dimantapkan lagi sekiranya mereka mempunyai sumber kewangan yang kekal dan tetap. Maka dengan ini Dewan hendaklah mengambil ketetapan untuk meminta Kerajaan supaya Kerajaan menyediakan satu dana dengan butiran khas dalam belanjawan negara bagi membantu badan-badan keagamaan dan bukan Kerajaan ini untuk membiayai aktiviti pembangunan modal insan mereka."

**(Perdana Menteri)**

9. PR-1243-U45143  
**Datuk Dr. Marcus Mojigoh [ Putatan ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa belia hari ini adalah pemimpin hari esok. Dan mengambil maklum bahawa golongan belia mempunyai cita rasa yang berbeza daripada golongan dewasa."

Dan mengambil maklum bahawa, golongan belia hari ini masih lagi menganggap bahawa mereka diperintahkan untuk menerima apa jua polisi dan usul Kerajaan mengenai dengan perihal mereka. Dan mengambil maklum juga bahawa dengan adanya sistem komunikasi alaf baru, mereka lebih gemar meluahkan pendapat dan isi hati mereka melalui media baru, misalnya melalui Facebook dan Twitter. Dan mengambil maklum juga, bahawa usaha Kerajaan untuk menubuhkan Parlimen Belia adalah usaha murni untuk mendekati golongan belia. Walau bagaimanapun, golongan belia juga haruslah diberikan ruang untuk menyatakan isi hati mereka termasuklah rasa patriotisme mereka kepada negara. Maka dengan ini Dewan hendaklah mengambil ketetapan untuk meminta Kerajaan untuk menubuhkan satu badan khas dari kalangan belia itu sendiri, bagi mendengar dan menangani keluhan dan rintihan golongan belia ini agar mereka juga dapat menyumbang dalam membangunkan negara ini."

**(Menteri Belia dan Sukan)**

10. PR-1243-U45144

**Datuk Dr. Marcus Mojigoh [ Putatan ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa konsep 1Malaysia yang diperkenalkan oleh YAB Perdana Menteri adalah satu model perpaduan yang terbaik bagi negara ini dan disanjung tinggi oleh negara-negara lain. Dan mengambil maklum penerapan teras-teras perpaduan yang terkandung dalam konsep 1Malaysia adalah amat penting bagi pembangunan negara untuk menjadi negara maju pada tahun 2020. Dan mengambil maklum bahawa konsep penerimaan 1Malaysia yang menekankan sikap penerimaan di kalangan rakyat berbilang kaum di mana satu kaum menerima keunikan kaum yang lain seadanya agar dapat kita hidup bersama dalam keadaan saling menghormati sebagai rakyat dalam satu negara adalah merupakan satu kenyataan yang harus diterima oleh semua rakyat Malaysia. Dan mengambil maklum juga bahawa konsep 1Malaysia juga menekan amalan hormat-menghormati antara semua kaum termasuk menghormati adat resam serta budaya kaum lain. Rasa hormat ini juga menuntut kita tidak mengeluarkan kata-kata kesat tentang kaum lain dan juga tidak mempersoalkan peruntukan-peruntukan undang-undang yang menyentuh sensitiviti kaum. Namun demikian, masih terdapat suara-suara lantang yang memperkecil-kecilkan peranan kaum-kaum tertentu dalam pembangunan negara. Terdapat juga suara hasutan untuk meminggirkan dan mendiskriminasikan kaum-kaum ini. Maka dengan ini Dewan hendaklah mengambil ketetapan untuk meminta Kerajaan untuk meminda mana-mana undang-undang sedia ada untuk menghukum mereka yang menyuarakan suara-suara hasutan ini, agar konsep 1Malaysia, rakyat didahulukan, pencapaian diutamakan dapat dimartabatkan dan di perkasa lagi."

**(Menteri Dalam Negeri)**

11. PR-1243-U45146  
**Datuk Dr. Marcus Mojigoh [ Putatan ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa kebanyakan urusan utama masih dijalankan di Kuala Lumpur. Dan mengambil maklum, urusan utama ini menghendaki dan memastikan rakyat dari negeri Sabah dan Sarawak untuk datang sendiri ke Kuala Lumpur untuk berurusan. Dan mengambil maklum bahawa urusan seperti ini mendatangkan bebanan kewangan kepada rakyat di kedua-dua negeri ini. Dan mengambil maklum juga bahawa Kerajaan pimpinan YAB Perdana Menteri sentiasa mendahulukan rakyat. Maka dengan ini Dewan hendaklah mengambil ketetapan untuk meminta Kerajaan untuk menubuhkan "2nd Capital" di Wilayah Persekutuan Labuan demi untuk memudahkan rakyat Sabah dan Sarawak untuk berurusan selain dapat memartabatkan lagi Labuan sebagai Pusat Kewangan Pesisir Pantai Antarabangsa."

**(Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar)**

12. PR-1243-U46173  
**Dr. Tan Seng Giaw [ Kepong ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini membahaskan Transit Laju Massa (Mass Rapid Transit, MRT) di Lembah Klang daripada pelbagai segi termasuk syarikat berkaitan dengan Kerajaan, kontraktor, jenis kenderaan dan jumlah wang yang diperlukan. Dewan juga hendak membincangkan integriti orang-orang yang terlibat."

**(Perdana Menteri)**

13. PR-1243-U46175  
**Dr. Tan Seng Giaw [ Kepong ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mendebatkan tahap pencapaian 20 buah universiti awam di negara ini termasuk kedudukan di QS World Universities Rankings. Dewan ini juga membicarakan sebab-musabab Universiti Malaya boleh mencapai tahap lebih baik di QS Rankings berbanding dengan universiti berstatus Apex USM yang rankingnya merosot."

**(Menteri Pengajian Tinggi)**

14. PR-1243-U46970  
**Puan Teresa Kok Suh Sim [ Seputeh ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil keputusan untuk mengembalikan Akta Perkhidmatan Parlimen yang telah dimansuhkan pada tahun 1993 sebagai langkah untuk menjadikan Parlimen Malaysia sebagai Parlimen Dunia Pertama."

**(Perdana Menteri)**

15. PR-1243-U46973

**Puan Teresa Kok Suh Sim [ Seputeh ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini menyokong cadangan Suruhanjaya DiRaja Pembaikan Perjalanan dan Pengurusan PDRM dan YAB Perdana Menteri untuk menubuhkan Suruhanjaya Bebas dan Salah Laku Polis (IPCMC)."

**(Menteri Dalam Negeri)**

16. PR-1243-U45148

**Datuk Eric Enchin Majimbun [ Sepanggar ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini membincang dan menetapkan kedudukan rakyat-rakyat asing yang memegang dokumen IMM 13 supaya kedudukan mereka yang mendapat perlindungan Kerajaan Malaysia boleh dipastikan kewarganegaraan mereka. Difahamkan bahawa pada ketika ini masih ramai sanak saudara pemegang dokumen IMM 13 dari negara jiran masih mempunyai hubungan persaudaraan di antara mereka, maka perkara ini sangat membimbangkan di mana pengeluaran dokumen IMM 13 perlu diambil perhatian serius untuk dipantau dan disekat."

**(Perdana Menteri)**

17. PR-1243-U45152

**Datuk Eric Enchin Majimbun [ Sepanggar ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini membincang dan menetapkan penggunaan dakwat kekal sewaktu pilihan raya umum ke-13. Cadangan penggunaan biometrik adalah tidak sesuai memandangkan masih banyak kawasan-kawasan pedalaman di Sabah dan Sarawak yang sukar mendapatkan kemudahan bekalan elektrik dan internet. Penggunaan dakwat kekal akan memastikan agar pengundi-pengundi mendapat kepastian, perlindungan hak dan maruah mereka terpelihara."

**(Perdana Menteri)**

18. PR-1243-U45160

**Datuk Eric Enchin Majimbun [ Sepanggar ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini membincang dengan seriusnya mengenai kedudukan anak-anak yang dilahirkan dalam perkahwinan campur dari suku kaum bumiputera dengan rakyat tempatan dari kaum-kaum lain khususnya di Sabah. Penggunaan perkataan Sino-Natif sebagai suku kaum adalah tidak tepat di mana sino digunakan bagi keturunan Cina dan natif sebagai keturunan bumiputera yang sesungguhnya bukan suku kaum."

Jabatan Pendaftaran Negara yang mengeluarkan sijil kelahiran dan kematian di Sabah seharusnya mengekalkan perkataan Sino-Bajau, Sino-Melayu, Sino-Dusun dan sebagainya untuk menentukan bangsa sebenar seseorang itu seperti mana diguna pakai selama ini, sebelum menukarnya kepada Sino-Natif sekarang ini."

**(Menteri Dalam Negeri)**

19. PR-1243-U45105

**Tuan Fong Kui Lun [ Bukit Bintang ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil langkah-langkah yang perlu untuk menjalin gabungan konsep 1Malaysia Bangsa Malaysia dan Malaysian Malaysia bagi memperkukuhkan hubungan antara kaum di Malaysia memandangkan perhubungan tersebut sudah mencapai tahap merentas kaum dan budaya."

**(Perdana Menteri)**

20. PR-1243-U45108

**Tuan Fong Kui Lun [ Bukit Bintang ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini membuat ketetapan untuk mengekalkan ciri asal bangunan-bangunan lama di Bandaraya Kuala Lumpur sebagai bangunan warisan dan mengambil tempat di tapak asal."

**(Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan)**

21. PR-1243-U45111

**Tuan Fong Kui Lun [ Bukit Bintang ]** akan mencadangkan:-

"Mendesak Kerajaan dan SPAD mengekalkan bangunan-bangunan asal pemilik persendirian yang telah berusia berdekad-dekad di Jalan Sultan Kuala Lumpur sewaktu pelaksanaan pembinaan jajaran bawah tanah projek MRT antara Sungai Buloh ke Kajang yang mana pada peringkat sekarang PTG WPKL telahewartakan pengambilan tanah-tanah tersebut yang akan menyebabkan bangunan-bangunan lama dirobohkan sedangkan jajaran MRT itu akan dibina di bawah tanah dan tiada kaitan dengan bangunan lama. Langkah Prasarana Negara lebih terdorong dengan konsep pembinaan rel bersama harta dengan mengambil kesempatan mengambil tanah tersebut atas nama pembangunan. Cadangan pemindahan sementara pemilik dan penghuni sewaktu projek berjalan dan mereka dibenarkan balik semula ke premis masing-masing setelah projek siap dengan syarat-syarat yang dipersetujui bersama, hendaklah diperkenalkan".

**(Menteri Kewangan)**

22. PR-1243-U46685  
**Tuan Kulasegaran A/L Murugeson [ Ipoh Barat ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan Parlimen hendaklah mengambil maklum dan mengarah Menteri Dalam Negeri menerangkan kenapa lebih dari 1.5 juta pekerja asing bekerja tanpa sah di Malaysia. Apakah tindakan susulan yang akan diambil terhadap pekerja-pekerja ini."

**(Menteri Dalam Negeri)**

23. PR-1243-U46689  
**Tuan Kulasegaran A/L Murugeson [ Ipoh Barat ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan Parlimen hendaklah mengambil maklum dan mengarah untuk meminta Menteri Pendidikan mengkaji untuk membina satu sekolah baru Cina di Bercham, Ipoh kerana Sekolah Cina semasa yang terbesar di Perak mempunyai ramai murid dan penuh sesak buat masa ini dan juga di kawasan Bercham itu mempunyai tanah rizab lebih kurang 6 ekar untuk pembinaan sekolah tersebut."

**(Menteri Pelajaran)**

24. PR-1243-U45876  
**Tuan Mohsin Fadzli bin Haji Samsuri [ Bagan Serai ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini menggesa Kementerian Kewangan mengkaji semula kadar bayaran insurans ke atas kenderaan motorsikal yang sedia ada bagi meringankan lagi beban hidup masyarakat terutamanya di luar bandar."

**(Menteri Kewangan)**

25. PR-1243-U45878  
**Tuan Mohsin Fadzli bin Haji Samsuri [ Bagan Serai ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini minta PUSPAKOM memanjangkan hayat pemeriksaan kenderaan dari 6 bulan ke 12 bulan."

**(Menteri Pengangkutan)**



26. PR-1243-U45880  
**Tuan Mohsin Fadzli bin Haji Samsuri [ Bagan Serai ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini menggesa Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan mengkaji semula dasar Pasar Larut Malam dan lain aktiviti dalam usaha mengekalkan keperluan tubuh manusia yang memerlukan waktu malam untuk beristirehat dan siang bekerja."

**(Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan)**

27. PR-1243-U45882  
**Tuan Mohsin Fadzli bin Haji Samsuri [ Bagan Serai ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini menggesa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri , Koperasi dan Kepenggunaan mengadakan satu mekanisme untuk menghalang warga bukan negara menikmati subsidi ke atas barangan seperti beras, gula, minyak masak dan bahan api."

**(Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan)**

28. PR-1243-U45885  
**Tuan Mohsin Fadzli bin Haji Samsuri [ Bagan Serai ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini meminta pihak pengendali Touch & GO mengadakan lorong tambah nilai di laluan Plaza TOL bagi kemudahan pengguna tanpa ke pejabat atau agen stesen minyak. Melalui agen dikenakan caj 50 sen bagi setiap top-up manakala di pejabat pula menyusahkan pengguna."

**(Menteri Kerja Raya)**

29. PR-1243-U46437  
**Tuan Chua Tian Chang [ Batu ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mendesak Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar, Dato' Raja Nong Chik sebagai Menteri yang berhemah harus mengagihkan peruntukan-peruntukan Kementerian secara adil kepada seluruh Kawasan Parlimen Wilayah Persekutuan termasuk Labuan bahkan membasmi kemiskinan bandar. Menteri tidak harus menumpukan peruntukan Kementerian di kawasan Parlimen Lembah Pantai sahaja untuk tujuan politik sendiri. Saya juga mendesak Kementerian menetapkan suatu nisbah penduduk untuk pengagihan peruntukan kepada seluruh kawasan Wilayah Persekutuan."

**(Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar)**

30. PR-1243-U46962

**Tuan John A/L Fernandez [ Seremban ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini membahaskan agar undang-undang digubal untuk membenarkan golongan "transgender" menukar jantina mereka secara sah dan nama serta jantina mereka dapat ditukar di dalam Kad Pengenalan secara sah untuk mengurangkan tekanan yang dialami oleh mereka".

**(Menteri Dalam Negeri)**

31. PR-1243-U46972

**Tuan John A/L Fernandez [ Seremban ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini membahaskan supaya Ordinan Darurat (Ketenteraman Awam dan Mencegah Jenayah) dapat dipinda untuk memastikan budak-budak remaja (bawah 21 tahun) jikalau didapati telah melakukan jenayah dihadapkan ke Mahkamah untuk dibicarakan dan bukannya ditahan di pusat tahanan di bawah Ordinan Darurat. Ini adalah kerana budak-budak remaja dalam usia ini biasanya masih belajar atau bersekolah dan jikalau ditahan di Pusat Tahanan di bawah Ordinan Darurat masa depan mereka akan terjejas dan hak asasi mereka diabaikan".

**(Menteri Dalam Negeri)**

32. PR-1243-U46974

**Tuan John A/L Fernandez [ Seremban ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini membincangkan agar Kerajaan mengkaji semula kemasukan pendatang asing yang terlalu ramai ke negara ini yang boleh menggugat keselamatan negara dan mendatangkan masalah sosial di kalangan warganegara Malaysia".

**(Menteri Dalam Negeri)**

33. PR-1243-U46979

**Tuan John A/L Fernandez [ Seremban ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini dapat mengambil keputusan supaya satu undang-undang dapat digubal untuk memastikan keluarga mereka yang menukar agama wajib diberitahu mengenai pertukaran agama ini bagi mengelakkan masalah perebutan jenazah apabila mereka menukar agama dan meninggal dunia".

**(Perdana Menteri)**

34. PR-1243-U46981  
**Tuan John A/L Fernandez [ Seremban ]** akan mencadangkan:-  
  
"Bahawa Dewan ini dapat mendesak agar Kerajaan dapat mewajibkan supaya Bahasa Tamil juga digunakan sebagai salah satu bahasa di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur dan LCCT semasa membuat sebarang pengumuman".  
  
**(Menteri Pengangkutan)**
35. PR-1243-U46983  
**Tuan John A/L Fernandez [ Seremban ]** akan mencadangkan:-  
  
"Bahawa Dewan ini dapat mengambil keputusan untuk mengadakan bentuk pengawalan harga rumah yang semakin lama semakin melambung terlalu tinggi dan menyukarkan rakyat untuk memiliki rumah sendiri".  
  
**(Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan)**
36. PR-1243-U46984  
**Tuan John A/L Fernandez [ Seremban ]** akan mencadangkan:-  
  
"Bahawa Dewan ini dapat mengambil keputusan untuk menyediakan tapak seperti stadium bagi mereka yang ingin membuat perhimpunan secara aman bagi mengelakkan jalan raya digunakan untuk membuat perhimpunan".  
  
**(Menteri Dalam Negeri)**
37. PR-1243-U46986  
**Tuan John A/L Fernandez [ Seremban ]** akan mencadangkan:-  
  
"Bahawa Dewan ini dapat mengambil keputusan untuk mewajibkan setiap laman web rasmi Kerajaan dan mesin ATM di bank-bank tempatan menggunakan Bahasa Tamil selain dari Bahasa Malaysia, Inggeris dan Cina".  
  
**(Menteri Kewangan)**
38. PR-1243-U46987  
**Tuan John A/L Fernandez [ Seremban ]** akan mencadangkan:-  
  
"Bahawa Dewan ini dapat mencadangkan supaya rancangan berbahasa Tamil di RTM ditambah masanya memandangkan kebelakangan ini rancangan berbahasa Tamil semakin berkurangan di RTM".  
  
**(Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan)**

39. PR-1243-U46988  
**Tuan John A/L Fernandez [ Seremban ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini dapat mencadangkan supaya setiap bilik siasatan di Balai Polis dilengkapi dengan CCTV seperti yang disediakan oleh Suruhanjaya Pencegah Rasuah (SPRM) kini, memandangkan terdapat banyak kes penyalahgunaan kuasa, penderaan dan kematian semasa suspek berada di dalam tahanan".

**(Menteri Dalam Negeri)**

40. PR-1243-U46990  
**Tuan John A/L Fernandez [ Seremban ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini dapat membahaskan garis-garis panduan keselamatan yang wajib dipatuhi oleh sukarelawan yang bertugas di negara-negara bergolak untuk mengelakkan perkara yang berlaku kepada jurukamera Bernama TV Allahyarham Noramfaizul Mohd Nor yang ditembak mati di Somalia tidak berulang lagi".

**(Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan)**

41. PR-1243-U46283  
**Tuan Liew Chin Tong [ Bukit Bendera ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa dewan ini menyokong cadangan menetapkan sebarang pembelian aset atau sistem pertahanan yang melebihi 100 juta oleh MINDEF, mesti dibawa ke Parlimen dibahas dan diaudit oleh Jabatan Audit Negara untuk syarat meneruskan pembelian ini. Ini juga bertujuan untuk mempertingkatkan integriti dan keberkesanan pembelian sistem pertahanan. Ini adalah diakibatkan oleh pembelian Jet Sukhoi dan Kapal Selam Scorpene telah menimbulkan banyak persepsi negatif terhadap negara."

**(Menteri Pertahanan)**

42. PR-1243-U46713  
**Tuan Gwo-Burne Loh [ Kelana Jaya ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa Kerajaan Malaysia sebagai anggota Majlis Hak Asasi Manusia Bangsa-Bangsa Bersatu dalam menguatkuasakan Resolusi 62/149 Bangsa-bangsa Bersatu mengenai Moratorium terhadap Hukuman Mati yang telah dikuatkuasakan oleh Perhimpunan Agung Bangsa-bangsa Bersatu pada 18 Disember 2007, di mana negara-negara yang masih mengamalkan hukuman mati diminta untuk menghentikan penggunaan hukuman mati dan mengurangkan jumlah hukuman-hukuman yang membawa hukuman mati secara berperingkat dan melaksanakan moratorium terhadap kesemua hukuman-hukuman mati dengan hasrat untuk menghapuskan hukuman ini sama sekali.

Maka dengan ini Dewan hendaklah mengambil ketetapan untuk meminta Kerajaan melalui Kementerian Luar untuk membantu mematuhi Moratorium tersebut dan meminda undang-undang yang bercanggah dengan Moratorium tersebut."

**(Menteri Luar Negeri)**

43. PR-1243-U46715

**Tuan Gwo-Burne Loh [ Kelana Jaya ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini menubuhkan sebuah Suruhanjaya DiRaja Siasatan Kes Kematian Tujuh Warga Pekerja Asing pada hujung Mei 2009 akibat kerja perobohan Jaya Supermarket, Petaling Jaya. Daripada siasatan yang dijalankan, kerja perobohan tersebut tidak mendapat kelulusan Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (DOSH)."

**(Menteri Sumber Manusia)**

44. PR-1243-U46716

**Tuan Gwo-Burne Loh [ Kelana Jaya ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mendesak Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (SIAP) menjalankan siasatan ke atas kematian Adik Aminulrasyid yang ditembak mati oleh anggota polis. Dewan juga mendesak mengenai pelantikan panel khas di dalam siasatan kes ini. Polis didakwa menyalahgunakan senjata api sehingga menyebabkan Aminulrasyid terbunuh oleh polis. Daripada siasatan dan perbicaraan yang dijalankan, banyak pihak tidak berpuas hati dengan perjalanannya dan diharap agar suruhanjaya ini mampu untuk menjawab pelbagai spekulasi."

**(Perdana Menteri)**

45. PR-1243-U47021

**Datuk Chua Soon Bui [ Tawau ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini membincangkan secara bersungguh-sungguh bagaimana dapat merektifikasikan masalah gangguan perkhidmatan pembekal-pembekal Internet yang kerap berlaku di Sabah, terutama sekali di Tawau yang seterusnya membawa kesan negatif pada transaksi perniagaan, pembekal-pembekal perkhidmatan siber lain, keganguan kepada pengguna-pengguna Internet, penyampaian berita oleh media massa, masalah-masalah pendidikan pelajar-pelajar dan yang teruk sekali, kerugian kewangan dan perniagaan bagi rakyat Sabah. Rakyat sudah tidak sabar lagi dan mereka minta penjelasan mengapa Sabah diberi perkhidmatan kelas ketiga atau tidak ada perkhidmatan sama sekali, walaupun mereka juga membayar fi yang sama seperti rakyat di Semenanjung Malaysia."

**Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan)**

46. PR-1243-U47022  
**Datuk Chua Soon Bui [ Tawau ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini membincang secara bersungguh-sungguh bagaimana dapat merektifikasikan penderitaan peladang-peladang dan pekebun-pekebun kecil di Sabah yang telah membayar 7.5% CESS kelapa sawit, cukai untung runtuh dan cukai Kerajaan, tetapi tidak ada mana-mana pihak Kerajaan yang tampil ke hadapan untuk memperbaiki atau menyelenggarakan jalan-jalan awam yang menuju ke ladang-ladang atau kebun-kebun kecil mereka. Mereka telah diabaikan sama sekali dan mereka terus menderita, kecewa dan tanpa sebarang suara, selama bertahun-tahun terutama sekali atas kerugian kewangan besar yang dialami bila buah sawit mereka tidak dapat diangkut keluar dari lading-ladang mereka. Mereka minta penjelasan mengapa tidak ada mana-mana pihak berkuasa yang memperbaiki jalan-jalan itu sedangkan mereka membayar cukai yang tinggi kepada Kerajaan."

**(Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi)**

47. PR-1243-U47023  
**Datuk Chua Soon Bui [ Tawau ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan mendesak Kerajaan supaya mengambil tindakan tegas tentang pengemis-pengemis kanak-kanak yang memeralatkan bayi-bayi yang tidak berpakaian atau mengheretkan bayi-bayi itu di tempat-tempat awam di Tawau, supaya mencari simpati dan meminta sedekah daripada orang ramai. Sudah lama kejadian sedemikian itu berlaku dan sudah ada kes-kes sedemikian yang dilaporkan kepada jabatan kebajikan masyarakat dan pihak polis, namun tiada sebarang tindakan diambil. Kes-kes sedemikian itu mungkin melibatkan sindiket-sindiket dan mungkin akan menyebabkan peningkatan bilangan pengemis-pengemis kanak-kanak jalanan secara mendadak atau menimbulkan masalah sosial lain jika ia dibiarkan berlaku sahaja."

**(Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat)**

48. PR-1243-U47024  
**Datuk Chua Soon Bui [ Tawau ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan mendesak Kerajaan supaya mengambil tindakan serius dan segera, juga memberi penjelasan kepada rakyat di Tawau mengapa mereka masih dilayani sebagai warga-warga Malaysia kelas ketiga sahaja, mereka terus menderita kerana gangguan bekalan kuasa elektrik dan air terutama sekali semasa musim perayaan Hari Raya Aidilfitri."

**(Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air)**

49. PR-1243-U47025  
**Datuk Chua Soon Bui [ Tawau ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan mendesak Kerajaan supaya menyemak semula Akta Pembangunan Petroleum (Akta 14) agar dapat memberi ketelusan dan akauntabiliti kepada negeri-negeri pengeluar minyak terutama sekali Sabah."

**(Perdana Menteri)**

50. PR-1243-U47114  
**Dato' Zulkifli bin Noordin [ Kulim Bandar Baru ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan agar Kerajaan mengambil langkah supaya Jadual 9 Senarai 2 (1) Perlembagaan Persekutuan dipinda dengan membuang perkataan seperti berikut:- '...tetapi tidak mempunyai bidangkuasa mengenai kesalahan-kesalahan kecuali setakat yang diberi oleh undang-undang persekutuan...' dan diganti dengan perkataan berikut; 'dan mempunyai bidangkuasa mengenai apa-apa jua kesalahan jenayah syarie dan lain-lain yang ditetapkan atau diperuntukkan di dalam dan menurut hukum syara' dan undang-undang Islam (termasuk hudud, qisas dan ta'zir) termasuk membicarakan, memutuskan dan menghukum mana-mana orang Islam yang berkenaan menurut sabitan dan hukuman yang ditetapkan oleh hukum syara' dan undang-undang Islam serta melaksana dan menguatkuasakan apa jua hukuman dan/ atau perintah yang dikeluarkannya'. Dan proviso kepada Seksyen 2, Akta Mahkamah Syariah (Bidangkuasa Jenayah) 1965 (Akta 355) hendaklah dipinda bersesuaian dengan pindaan kepada Jadual 9 Senarai 2 (1) Perlembagaan Persekutuan seperti yang dinyatakan diatas dan hendaklah berbunyi seperti berikut: Mahkamah Syariah tersebut hendaklah mempunyai bidangkuasa mengenai apa-apa jua kesalahan jenayah syarie dan lain-lain yang ditetapkan atau diperuntukkan didalam dan menurut hukum syara' dan undang-undang Islam (termasuk hudud, qisas dan ta'zir) termasuk membicarakan, memutuskan dan menghukum mana-mana orang Islam yang berkenaan menurut sabitan dan hukuman yang ditetapkan oleh hukum syara' dan undang-undang Islam serta melaksana dan menguatkuasakan apa jua hukuman dan/ atau perintah yang dikeluarkannya. Bahawa Dewan ini mengambil maklum umat Islam wajib melaksanakan syariat Islam termasuk undang-undang jenayahnya seperti hudud, qisas dan ta'zir tanpa sebarang pengubahsuaian dan pindaan seperti yang berlaku sekarang dan Dewan mengambil maklum bahawa kegagalan melaksanakan system perundangan Islam sepenuhnya ini akan boleh membatalkan aqidah umat Islam"

**(Perdana Menteri)**

51. PR-1243-U47115  
**Dato' Zulkifli bin Noordin [ Kulim Bandar Baru ]** akan mencadangkan:-

“Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan agar Kerajaan Persekutuan mengambil langkah supaya Artikel 4 Perlembagaan Persekutuan dipinda dengan menambah perkataan seperti berikut (seperti yang dihitamkan): ‘Perlembagaan ini adalah undang-undang utama Persekutuan dan, kecuali undang-undang dan syariat Islam, apa-apa undang-undang yang diluluskan berlawanan dengan Perlembagaan ini dan undang-undang Islam atau hukum syara’ hendaklah terbatal setakat ianya berlawanan itu’. Bahawa Dewan mengambil maklum bahawa banyak keadaan di mana hukum syara’ dan syariat Islam telah terbatal dan atau tidak dapat dilaksanakan kerana Artikel 4 Perlembagaan Persekutuan ini yang meletakkan undang-undang negara mengatasi semua undang-undang dan peraturan lain termasuk undang-undang serta syariat Islam seperti pengharaman pemakaian serban di sekolah-sekolah kebangsaan, pemakaian purdah dan jilbab di jabatan-jabatan kerajaan, pelaksanaan undang-undang syarak seperti khalwat, zina, qazaf yang bercanggah dengan hukum syara’ dan lain-lain”.

**(Perdana Menteri)**

52. PR-1243-U47116  
**Dato' Zulkifli bin Noordin [ Kulim Bandar Baru ]** akan mencadangkan:-

“Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan agar Kerajaan Persekutuan mengambil langkah segera untuk mengesahkan dan mengisytiharkan bahawa Malaysia bukan negara sekular seperti India sebaliknya sebuah negara yang mengamalkan dwi-sistem (sistem perundangan hybrid) iaitu dengan meminda Artikel 3 Perlembagaan Persekutuan dengan menambah perkataan seperti berikut (seperti yang dihitamkan): ‘Islam adalah agama bagi Persekutuan termasuk dari segi undang-undang dan syariatnya’. Bahawa Dewan mengambil maklum bahawa keputusan Mahkamah di dalam kes Che Omar Che Soh v. Pendakwaraya dan Jamaluddin Osman v. Menteri Dalam Negeri telah banyak diputarbelit dan disalahtafsir oleh golongan tertentu untuk memberi gambaran kononnya Malaysia adalah negara sekular sedangkan hakikatnya Malaysia bukanlah negara sekular sebaliknya negara yang meletakkan Islam sebagai agama bagi Persekutuan, maka dengan pindaan kepada Artikel 3 Perlembagaan Persekutuan seperti yang dicadangkan akan memperjelaskan perihal kedudukan status negara ini tanpa sebarang keraguan lagi”.

**(Perdana Menteri)**



53. PR-1243-U47117  
**Dato' Zulkifli bin Noordin [ Kulim Bandar Baru ]** akan mencadangkan:-

“Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan mendesak Menteri di Jabatan Perdana Menteri supaya meminda Akta Mahkamah Keadilan 1964 (Courts of Judicature Act 1964) (Akta 91) dengan memasukkan peruntukkan baru di Seksyen 4 seperti berikut: “Seksyen 4A: Didalam keadaan dimana terdapat isu dan/ atau pertikaian membabitkan dan atau melibatkan agama Islam dari segi aqidah, kepercayaan, hukum-hakam, syariat dan/atau apa juga persoalan mengenai Islam, maka Mahkamah wajiblah merujuk isu, persoalan dan/ atau pertikaian itu kepada Mahkamah Syariah untuk suatu keputusan atau penghakiman; dan semua prosiding hendaklah ditangguhkan sehingga keputusan atau penghakiman Mahkamah Syariah itu dibuat, dan keputusan atau penghakiman Mahkamah Syariah bagi isu, persoalan dan/ atau pertikaian itu hendaklah mengikat Mahkamah tersebut”. Bahawa Dewan menginsafi masalah membabitkan isu, pertikaian atau persoalan mengenai Islam jika diputuskan di Mahkamah sekular berdasarkan undang-undang sivil boleh mencetuskan salah faham dan kekeliruan. Ini berlaku kerana isu dan persoalan membabitkan kefahaman terhadap undang-undang dan syariat Islam dalam konteks syariah dan Islam tidak difahami, dihayati dan diinsafi oleh Mahkamah sekular yang membicara dan memutuskan sesuatu isu tersebut menurut peruntukkan undang-undang sivil yang terbatas dan terhad kepada pembicaraan soal perundangan sekular semata-mata, malahan menolak untuk menerima pakai kefahaman syarie dan Islam. Sebenarnya inilah yang telah berlaku di dalam kes Maria Hertogh @ Nadrah pada tahun 1950 apabila Mahkamah sivil Singapura yang mengguna pakai undang-undang sivil British menolak untuk menerima pakai undang-undang Islam dan syariatnya dengan menolak aqidah dan keislaman Nadrah dan perkahwinan Nadrah dengan Almarhum Mansor Adabi yang mana menurut undang-undang Islam dan hukum syara' keislaman dan perkahwinan Nadrah adalah sah kerana beliau sudah aqil baligh mengikut hukum syarak dan merupakan seorang mukallaf dan hukum taklif berlaku kepada beliau. Begitu juga di dalam beberapa kes di mana Islam melihat sesuatu isu itu dari segi aqidah, tetapi Mahkamah sekular melihatnya dari sudut istilah dan perundangan sivil. Sekiranya peruntukkan seperti yang dicadangkan di atas ujud, maka Dewan menginsafi bahawa isu ini akan dapat diselesaikan dengan baik menurut peruntukkan undang-undang yang terpakai bagi isu tersebut.

**(Perdana Menteri)**

54. PR-1243-U47118  
**Dato' Zulkifli bin Noordin [ Kulim Bandar Baru ]** akan mencadangkan:-

“Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan agar Kerajaan Persekutuan mengambil langkah supaya Artikel 11 (1) Perlembagaan Persekutuan dipinda dengan menambah perkataan seperti berikut (seperti yang dihitamkan): ‘Tiap-tiap orang adalah berhak menganuti dan mengamalkan ugamanya, termasuk menukar agamanya kecuali bagi penganut agama Islam yang hendaklah tertakluk kepada undang-undang dan syariat Islam. Bagi maksud penganut agama Islam, soal kemasukan dan kemurtadan dari agama Islam hendaklah ditentukan oleh Mahkamah Syariah yang mempunyai bidangkuasa mutlak keatasnya”. Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa walaupun Mahkamah Persekutuan di dalam beberapa kes termasuk Azlina Jailani @ Lina Joy v. Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan dan Jabatan Pendaftaran Negara memutuskan bahawa dalam hal ehwal dan permasalahan kemasukan atau kemurtadan daripada Islam hanya Mahkamah Syariah mempunyai bidangkuasa dan Mahkamah sekular tidak boleh mempunyai apa-apa bidangkuasa menurut Artikel 121 (1A), namun masih lagi ada pihak yang mempertikaikan dan membawa kes seumpama ini ke Mahkamah sekular dimana dalam kes melibatkan seorang Punjabi Muslim mayatnya terlantar di Hospital Sg. Buloh, Selangor selama sebulan kerana Mahkamah Sivil masih mahu mendengar kes-kes seumpama ini, sedangkan merupakan fadhu kifayah ke atas umat Islam untuk menyegerakan pengurusan dan pengkebumian jenazah mana-mana orang Islam yang telah meninggal dunia. Dengan adanya peruntukkan seumpama di atas maka isu seperti ini tidak akan berbangkit lagi”.

**(Perdana Menteri)**

55. PR-1243-U47119  
**Dato' Zulkifli bin Noordin [ Kulim Bandar Baru ]** akan mencadangkan:-

“Bahawa Dewan ini membuat ketetapan mendesak supaya Mahkamah sekular yang diwujudkan menurut Artikel 121 Perlembagaan Persekutuan menghormati dan tidak mencampuri hak dan bidangkuasa Mahkamah Syariah yang diperuntukkan menurut Artikel 121 (1A) Perlembagaan termasuk hak dan bidangkuasa mutlak menentukan siapa yang boleh diterima masuk dan didaftarkan sebagai seorang Peguam Syarie. Ini adalah kerana kalau Mahkamah sekular tersebut mencampuri urusan hak dan bidangkuasa Mahkamah Syariah dalam penentuan kemasukan dan pendaftaran peguam syarie, apakah itu bermakna Mahkamah Syariah boleh mencampuri urusan hak dan bidangkuasa Mahkamah sekular untuk penentuan kemasukan dan pendaftaran seseorang peguam sekular di Mahkamah sekular”.

**(Perdana Menteri)**

56. PR-1243-U47120  
**Dato' Zulkifli bin Noordin [ Kulim Bandar Baru ]** akan mencadangkan:-

“Bahawa Dewan ini membuat ketetapan mencadangkan supaya undang-undang yang berkaitan dipinda untuk memberi pilihan dan opsyen kepada mana-mana individu beragama Islam yang dikenakan sebarang pertuduhan jenayah untuk memilih forum perbicaraan di Mahkamah Syariah yang berbidangkuasa berdasarkan peruntukkan undang-undang yang ada di mana-mana Akta atau Enakmen Syariah seperti pertuduhan liwat dan lain-lain. Ini adalah kerana seorang Muslim berhak untuk dibicarakan menurut undang-undang Islam demi menjaga aqidah dan syariat seseorang Muslim itu”.

**(Perdana Menteri)**

57. PR-1243-U47121  
**Dato' Zulkifli bin Noordin [ Kulim Bandar Baru ]** akan mencadangkan:-

“Bahawa Dewan ini membuat ketetapan mencadangkan kepada YAB Perdana Menteri dan Kerajaan Malaysia supaya memberikan anugerah Tokoh Ma'al Hijrah 1433 (Peringkat Antarabangsa) kepada saudara Yusuf Islam @ Cat Steven bagi mengenang jasa saudara Yusuf Islam yang telah memberi sumbangan besar kepada usaha menyebarkan risalah Islam dan kerja-kerja da'wah ke seluruh dunia”.

**(Perdana Menteri)**

58. PR-1243-U47122  
**Dato' Zulkifli bin Noordin [ Kulim Bandar Baru ]** akan mencadangkan:-

“Bahawa Dewan ini membuat ketetapan mencadangkan kepada YAB Perdana Menteri dan Kerajaan Malaysia supaya memberikan anugerah darjah kebesaran yang membawa gelaran Tan Sri secara “post-humous” (dengan izin) kepada Allahyarham Sasterawan Negara Usman Awang bagi mengenang jasa beliau yang besar kepada usaha memartabatkan dan memajukan bahasa Melayu melalui karya-karya besarnya dan lain-lain usaha yang telah Allahyarham lakukan”.

**(Perdana Menteri)**

59. PR-1243-U47123  
**Dato' Zulkifli bin Noordin [ Kulim Bandar Baru ]** akan mencadangkan:-

“Bahawa Dewan ini membuat ketetapan mencadangkan kepada YAB Perdana Menteri, YAB Menteri-Menteri Besar dan Kerajaan Persekutuan serta Kerajaan Negeri supaya melakukan semakan semula senarai penerima anugerah kebesaran persekutuan atau negeri dengan tujuan untuk dilakukan pembersihan termasuk menarik balik dan/ atau membatalkan anugerah dan gelaran yang diberi kepada mereka yang telah dan/ atau pernah disabitkan dengan sebarang kesalahan jenayah dan yang didaftarkan di Pusat Pendaftaran Penjenayah (Criminal Registration Center)”.

**(Perdana Menteri)**

60. PR-1243-U47124  
**Dato' Zulkifli bin Noordin [ Kulim Bandar Baru ]** akan mencadangkan:-

“Bahawa Dewan ini membuat ketetapan mencadangkan supaya satu kajian dibuat dengan tujuan menggubal undang-undang yang bersesuaian untuk memansuhkan keperluan mengadakan pilihanraya kecil bagi kerusi yang kosong atau dikosongkan oleh mana-mana wakil rakyat sama ada di peringkat Parlimen ataupun Dewan Undangan Negeri termasuk kemungkinan memberikan kerusi yang kosong atau dikosongkan itu kepada parti yang telah memenanginya semasa pilihanraya umum untuk menentukan calon yang menggantikan dan/ atau mengisi kekosongan tersebut. Ini sekalugus dapat mengelakkan keperluan mengadakan pilihanraya kecil yang melibatkan kos yang tinggi dan menyebabkan masyarakat Malaysia terlibat dengan kegiatan politik tanpa kesudahan”.

**(Perdana Menteri)**

61. PR-1243-U47125  
**Dato' Zulkifli bin Noordin [ Kulim Bandar Baru ]** akan mencadangkan:-

“Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan mendesak Kerajaan Persekutuan dengan kerjasama semua Kerajaan Negeri supaya melantik seorang Mufti Negara sebagai Ketua bagi dan dengan kuasa dan autoriti mengatasi kesemua Mufti-Mufti dan menjadi Pengerusi bagi Majlis Fatwa Kebangsaan dengan tanggungjawab dan menjawab hanya kepada Yang DiPertuan Agong dan Majlis Raja-Raja.

Selanjutnya Dewan ini megambil ketetapan mendesak Kerajaan supaya memberi kuasa dan bidangkuasa jelas kepada Majlis Fatwa Kebangsaan untuk menguatkuasa dan melaksanakan fatwa-fatwa yang dikeluarkannya dan mana-mana orang yang mempersoalkan dan/ atau mempertikaikan Fatwa-fatwa tersebut hendaklah dianggap melakukan penghinaan terhadap agama Islam dan diambil tindakan tegas menurut Seksyen 298A Kanun Kesiksaan atau di bawah mana-mana undang-undang (Persekutuan atau Negeri)".

**(Perdana Menteri)**

62. PR-1243-U47126  
**Dato' Zulkifli bin Noordin [ Kulim Bandar Baru ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil langkah mengiktiraf Palestin sebagai sebuah negara yang berdaulat dan merdeka mengikut persempadanan sebelum tahun 1967 dan menubuhkan sebuah jawatankuasa caucus khusus untuk menangani dan memantau dan mengambil langkah-langkah berkaitan dengan masalah Palestin dan menamakan badan ini sebagai 'Jawatankuasa Caucus bagi Palestin' dengan melantik YB Kepala Batas (atau mana-mana Ahli Parlimen yang dipertimbangkan sesuai) sebagai Pengerusi Caucus tersebut dan selanjutnya Dewan ini mendesak Kerajaan Mesir supaya membuka semula pintu Rafah dan memberi kebebasan keluar/ masuk kepada rakyat Palestin dan tidak menghalang sebarang usaha-usaha bantuan kemanusiaan oleh mana-mana pihak; dan juga mendesak rejim zionis Israel supaya segera mengembalikan hak rakyat Palestin dan mengiktiraf Negara Islam Palestin sebagai negara yang merdeka dan berdaulat dan Baitulmaqdis sebagai ibu negeri Negara Islam Palestin".

**(Perdana Menteri)**

63. PR-1243-U47127  
**Dato' Zulkifli bin Noordin [ Kulim Bandar Baru ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil langkah untuk menubuhkan sebuah Jawatankuasa Khas Kabinet dengan segera khusus untuk menangani dan memantau dan mengambil langkah-langkah bersepadu dan berkesan berkaitan dengan hal ehwal masyarakat India dan penganut agama Hindu dengan tujuan unjtuk memantapkan kedudukan ekonomi mereka dan hal masalah peribadatan mereka termasuk penyelenggaraan dan pengurusan kuil-kuil mereka dan menyelesaikan permasalahan kewarganegaraan dan kad pengenalan mereka dan dinamakan sebagai Jawatankuasa Khas Kabinet bagi Hal Ehwal Masyarakat India" dengan melantik Timbalan Perdana Menteri sebagai Pengerusi Jawatankuasa Khas tersebut.

**(Perdana Menteri)**

64. PR-1243-U47128  
**Dato' Zulkifli bin Noordin [ Kulim Bandar Baru ]** akan mencadangkan:-

“Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan mendesak Kementerian Pelajaran supaya dengan serta-merta menubuhkan sebuah Majlis Buku Negara dengan peruntukkan yang mencukupi dan segera menggubal Dasar Buku Negara dan Akta Buku serta mengambil semua langkah yang munasabah dan praktikal untuk membantu, menggalakkan, membangunkan dan memajukan industri buku negara. Selanjutnya Dewan juga membuat ketetapan supaya Dasar Buku Negara seperti yang telah dimaktubkan segera dilaksanakan sepenuhnya dan mencapai matlamat yang disasarkan dalam Dasar Buku Negara tersebut”.

**(Menteri Pelajaran)**

65. PR-1243-U47129  
**Dato' Zulkifli bin Noordin [ Kulim Bandar Baru ]** akan mencadangkan:-

“Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan mendesak Kerajaan Persekutuan supaya mengambil langkah menyiarkan dan mewajibkan siaran azan pada tiap-tiap waktu solat fardu yang lima dikesemua tempat awam tanpa sebarang sekatan dan/ atau halangan. Ini adalah kerana sebagai sebuah negara yang meletakkan Islam sebagai agama Persekutuan seperti yang dimaktubkan oleh Artikel 3 Perlembagaan Persekutuan, maka adalah penting untuk syiar Islam dimartabatkan”.

**(Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan)**

66. PR-1243-U47130  
**Dato' Zulkifli bin Noordin [ Kulim Bandar Baru ]** akan mencadangkan:-

“Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan mendesak Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri mengambil langkah supaya kesemua banduan dan tahanan yang disabit dan dikenakan hukuman penjara sepanjang hayat hendaklah dikurangkan hukuman penjara tidak melebihi 20 (dua puluh tahun) dan bagi yang telah menjalani hukuman melebihi jumlah 20 tahun tersebut (setelah ditolak cuti dan kelakuan baik) hendaklah dibebaskan dengan serta-merta”.

**(Menteri Dalam Negeri)**

67. PR-1243-U47131  
**Dato' Zulkifli bin Noordin [ Kulim Bandar Baru ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil langkah mendesak Menteri Pengangkutan supaya mengarahkan dan/ atau mengenakan syarat kepada syarikat penerbangan Malaysia Airline, Air Asia atau mana-mana syarikat penerbangan dalam negeri ini supaya membenarkan kakitangan wanitanya terutama pramugari yang beragama Islam pilihan untuk memakai pakaian / pakaian seragam yang mematuhi hukum syara".

**(Menteri Pengangkutan)**

68. PR-1243-U47132  
**Dato' Zulkifli bin Noordin [ Kulim Bandar Baru ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan mendesak Menteri Pengangkutan melarang dan/ atau mengenakan syarat kepada syarikat Penerbangan Malaysia supaya menghentikan penjualan arak dan lain-lain minuman keras dan yang memabukkan semasa di dalam penerbangan".

**(Menteri Pengangkutan)**

69. PR-1243-U47133  
**Dato' Zulkifli bin Noordin [ Kulim Bandar Baru ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan mendesak Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna hanya membenarkan penjualan arak, minuman keras dan yang memabukkan dalam apa bentuk sekalipun hanya di premis-premis khas yang dilesenkan dan hanya khusus untuk masyarakat bukan Islam sahaja; sebagaimana premis khas untuk penjualan nombor ekor, tempat perjudian dan daging khinzir dan lain-lain; dan tidak melesenkan kedai-kedai runcit atau serbaneka daripada menjual arak dan/ atau apa-apa minuman keras dan yang memabukkan dipremisnya. Dewan ini mengambil maklum banyak kes terjadi di mana remaja dan belia beragama Islam yang menyalahgunakan penjualan arak dan minuman berakohol serta kemudahan kondom di kedai-kedai serbaneka ini untuk kegiatan tidak berakhlak dan bermoral, yang akhirnya membawa kepada timbulnya gejala sosial yang serius seperti kegiatan merempit yang melampau, perzinaan, perogolan dan kesalahan seksual dan kes pembuangan bayi".

**(Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan  
Kepenggunaan)**

70. PR-1243-U47134  
**Dato' Zulkifli bin Noordin [ Kulim Bandar Baru ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan mendesak Perdana Menteri supaya dengan segera mengujudkan Kementerian Hal Ehwal Sabah & Sarawak (atau singkatannya "KHASS") dengan seorang Menteri berjawatan penuh untuk menjaga hal ehwal pembangunan, infrastruktur, kebajikan dan kepentingan rakyat Sabah & Sarawak termasuk memberi portfolio berkaitan Koridor Ekonomi Sabah/ Sarawak, dan kesemua agensi pembangunan Persekutuan mestilah melalui Kementerian ini supaya segala projek pembangunan & infrastruktur di Sabah dan Sarawak dapat diselaraskan dan dikawal selia serta dipantau dengan lebih berkesan."

**(Perdana Menteri)**

71. PR-1243-U47135  
**Dato' Zulkifli bin Noordin [ Kulim Bandar Baru ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan mencadangkan kepada Menteri di Jabatan Perdana Menteri supaya mengkaji dan melaksanakan projek membesarkan dan membaikpulih Masjid Jame' Bandaraya Kuala Lumpur termasuk membina mihrab dan mimbar baru yang bersesuaian, menurap keseluruhan tapak Masjid tersebut dengan marmar sebagaimana yang dibuat di Masjidil Haram dan Masjid Nabawi serta memperkukuhkan bumbung Masjid tersebut agar dapat menampung jemaah untuk mengerjakan solat terutamanya solat Jumaat dan kedua 'Eidulfitri & 'Eiduladha memandangkan pertambahan jemaah yang semakin meningkat mutakhir ini".

**(Perdana Menteri)**

72. PR-1243-U47136  
**Dato' Zulkifli bin Noordin [ Kulim Bandar Baru ]** minta akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan mendesak Kementerian Dalam Negeri dan Kementerian Sumber Manusia supaya mengeluarkan larangan terhadap mana-mana pembantu rumah asing yang beragama Islam daripada bekerja dengan mana-mana majikan yang bukan beragama Islam. Ini adalah kerana terdapat banyak aduan pembantu-pembantu rumah asing yang beragama Islam yang dipaksa memakai pakaian bercanggah dengan Islam seperti berseluar pendek, memakan makanan dan minuman yang haram seperti babi dan arak, serta dipaksa memandikan dan membela anjing dan tinggal di persekitaran dan suasana yang jelas bercanggah dan/ atau tidak bersesuaian dengan seorang Muslim".

**(Menteri Dalam Negeri)**



73. PR-1243-U47137  
**Dato' Zulkifli bin Noordin [ Kulim Bandar Baru ]** akan mencadangkan:-

“Bahawa Dewan ini ini mengambil ketetapan mencadangkan kepada Kementerian Kewangan supaya membenarkan pencarum KWSP yang beragama Islam mengeluarkan simpanan mereka bagi tujuan mengerjakan ‘ibadah haji bagi diri mereka dan keluarga terdekat sekurang-kurangnya sekali dalam seumur hidup mereka walaupun belum mencapai umur persaraan 55 tahun; Selanjutnya Dewan juga mengambil ketetapan mendesak Kementerian Kewangan supaya segera mengambil langkah memansuhkan Seksyen 167 Akta Insurans dan Peraturan 6 Peraturan KWSP 2001 yang banyak menimbulkan masalah dan disalahgunakan oleh penama yang dinamakan sebagai benefisiari kerana banyak kes di mana penama apabila menerima wang caruman daripada KWSP telah tidak membahagikan wang tersebut menurut syara’ dan hukum faraid; atau sebagai alternatif mengenakan syarat kepada pengurusan KWSP supaya wang caruman simati tidak dibayar kepada penama kecuali mereka telah mengemukakan sijil faraid daripada Mahkamah Syariah dan pembayaran dibuat oleh KWSP terus kepada waris-waris yang dinamakan didalam sijil faraid yang dikeluarkan oleh Mahkamah Syariah yang berbidangkuasa tersebut”.

**(Menteri Kewangan)**

74. PR-1243-U47138  
**Dato' Zulkifli bin Noordin [ Kulim Bandar Baru ]** akan mencadangkan:-

“Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan mendesak Kementerian Pertahanan supaya mengujudkan kem-kem Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) yang mengambil hanya pelatih wanita sahaja sebagai pilihan bagi mereka dan ibu-bapa yang mahukan anak perempuan mereka diasingkan kerana terlalu banyak aduan pelatih-pelatih wanita yang melalui pengalaman diganggu oleh sama ada pelatih atau petugas lelaki sehingga ada yang ke peringkat mencabul, mendera dan merogol; ramai ibu-bapa yang mengadu anak perempuan mereka yang apabila kembali daripada PLKN berubah menjadi terlalu terbuka dalam pergaulan dan perhubungan dengan lelaki walaupun sebelum ke PLKN anak-anak mereka sangatlah bersopan dan menjaga akhlak dan batasan pergaulan dengan lelaki; Selanjutnya Dewan mengambil ketetapan mendesak Kementerian Pertahanan supaya menerapkan dalam syllabus latihan kepada pelatih-latih beragama Islam modul nilai Islam seperti mewajibkan solat jemaah pada tiap waktu solat fardu, qiamullail dan tahajjud, dan melatih mereka supaya mengimarahkan masjid dengan selalu mengadakan program qiamullail dimana-mana masjid berhampiran kem PLKN,

yang mana ini akan bukan sahaja menjalinkan ukhwah dan persaudaraan dengan masyarakat sekeliling, ianya juga akan memperkukuh dan memperkuatkan aspek spiritual dan kerohanian pelatih-pelatih PLKN”.

**(Menteri Pertahanan)**

75. PR-1243-U47139

**Dato' Zulkifli bin Noordin [ Kulim Bandar Baru ]** akan mencadangkan:-

“Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan mencadangkan kepada Kementerian Dalam Negeri, dengan kerjasama Jabatan Perdana Menteri (Bahagian Hal Ehwal Islam) supaya mengkaji kepada keperluan mengujudkan sebuah pusat tahanan, penjara dan/ atau tempat perlaksanaan hukuman bagi mereka yang disabit dan dijatuhkan hukuman oleh mana-mana Mahkamah Syariah yang berbidangkuasa memandangkan tiadanya pusat tahanan, penjara dan/ atau tempat perlaksanaan hukuman bagi pesalah-pesalah syarie seperti yang kita persaksikan dalam kes Kartika Sari Dewi Syukarno. Dewan mengambil perhatian bahawa perlaksanaan hukuman bagi pesalah syarie adalah sangat berbeza dari tujuan, matlamat dan bentuk hukuman bagi pesalah syarie berbanding dengan pesalah di Mahkamah Sivil”.

**(Perdana Menteri)**

76. **Tuan Karpal Singh [ Bukit Gelugor ]** akan mencadangkan:-

“Bahawa Dewan ini membincangkan kelakuan, Dato' Hj Abdul Malik bin Hj Ishak, (kini Hakim Mahkamah Rayuan, Malaysia, dan pada masa material merupakan Hakim, Mahkamah Tinggi Malaya di Johor Bahru) yang mana beliau, *'plagiarise'* penghakiman Hakim Mahkamah Tinggi, Singapura, G.P. Selvam (kini bersara) pada atau lebih kurang awal tahun 2000 dalam suatu kes hakcipta.

Bahawa adalah jelas merupakan satu salah laku yang serius bagi pihak Dato' Hj Abdul Malik bin Hj. Ishak yang telah memburukkan nama kehakiman Malaysia.

Bahawa Dewan ini ambil perhatian bahawa pada 22 Ogos 2011, YB Ahli Parlimen, Bukit Gelugor telah melalui suratnya kepada Dato' Hj Abdul Malik bin Hj Ishak (telah diakuterima oleh beliau pada 22 Ogos 2011) membuat alegasi plagiarisma yang dinyatakan di atas dan bahawa Dato' Hj Abdul Malik bin Hj Ishak sepatutnya membalas kepada surat tersebut dalam masa 7 hari selepas penerimaan surat tersebut. Dan selaras dengan rukun keadilan asasi YB Ahli Parlimen, Bukit Gelugor telah memberi Dato' Hj Abdul Malik bin Hj Ishak satu peluang untuk membuat balasan terhadap alegasi tersebut.

Bahawa memandangkan keadaan berikut, YB Ahli Parlimen Bukit Gelugor melalui surat bertarikh 29 September, 2011 kepada Dato' Haji Abdul Malik bin Hj Ishak di mana surat tersebut diakuterima oleh Dato' Hj Abdul Malik bin Hj Ishak pada 29 September, 2011 memaklumkan Dato' Hj Abdul Malik bin Hj Ishak bahawa memandangkan tiada balasan terhadap alegasi plagiarisma, ia berjumlah kepada pengakuan terhadap alegasi tersebut.

Bahawa Dewan ini menyeru Perdana Menteri untuk mengguna pakai peruntukkan Perkara 125(3), Perlembagaan Persekutuan bagi tujuan merujuk Dato' Hj Abdul Malik bin Hj Ishak kepada satu tribunal yang ditubuhkan oleh Yang Di-Pertuan Agong berdasarkan Fasal 4 untuk melucut Dato' Hj Abdul Malik bin Hj Ishak daripada jawatan beliau sebagai Hakim Mahkamah Rayuan, Malaysia atas alasan salah laku yang telah dilakukan oleh beliau.

Dan bahawa Dato' Hj Abdul Malik bin Hj Ishak adalah digantung kerja sebagai Hakim Mahkamah Rayuan, Malaysia sementara menunggu suatu laporan daripada tribunal tersebut di bawah klausa 3."

Ahli-ahli yang Berhormat yang turut mengusulkan:-

- 1) YB Tuan Karpal Singh a/l Ram Singh (Bukit Gelugor)
- 2) YB Tuan Gobind Singh Deo (Puchong)
- 3) YB Tuan Lim Kit Siang (Ipoh Timur)
- 4) YB Dato' Seri Anwar bin Ibrahim (Permatang pauh)
- 5) YB Tuan Haji Ahmad bin Kasim (Kuala Kedah)
- 6) YB Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail (Machang)
- 7) YB Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar (Pokok Sena)
- 8) YB Tuan John a/l Fernandez (Seremban)
- 9) YB Tuan Ooi Chuan Aun (Jelutong)
- 10) YB Tuan Sim Tong Him (Kota Melaka)
- 11) YB Tuan Manogaran a/l Marimuthu (Teluk Intan)
- 12) YB Tuan Mohd Firdaus bin Jaafar (Jerai)
- 13) YB Tuan Mohd Nasir bin Zakaria (Padang Terap)
- 14) YB Dato' Rashid bin Din (Merbok)
- 15) YB Tuan Muhammad bin Husain (Pasir Puteh)
- 16) YB Tuan Hee Loy Sian (Petaling Jaya Selatan)
- 17) YB Dato' Dr. Haji Mohd Hayati bin Othman (Pendang)
- 18) YB Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid (Kuala Langat)
- 19) YB Tuan Tony Pua Kiam Wee (Petaling Jaya Utara)
- 20) YB Tuan Manikavasagam a/l Sundaram (Kapar)
- 21) YB Tuan Che Uda bin Che Nik (Sik)

- 22) YB Dr. Che Rosli bin Che Mat (Hulu Langat)
- 23) YB Puan Hajah Fuziah binti Salleh (Kuantan)
- 24) YB Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin (Ampang)
- 25) YB Tuan Haji Mohd Abdul Wahid bin Haji Endut  
(Kuala Terengganu)
- 26) YB Tuan William Leong Jee Keen (Selayang)
- 27) YB Dato' Johari bin Abdul (Sungai Petani)
- 28) YB Tuan Haji Ab Aziz bin Ab Kadir (Ketereh)
- 29) YB Dato' Kamarul Baharin bin Abbas (Telok Kemang)
- 30) YB Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff (Balik Pulau)
- 31) YB Puan Chong Eng (Bukit Mertajam)
- 32) YB Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman (Pengkalan Chepa)
- 33) YB Tuan Chua Tian Chang (Batu)
- 34) YB Puan Nurul Izzah binti Anwar (Lembah Pantai)
- 35) YB Tuan Liew Chin Tong (Bukit Bendera)
- 36) YB Dr. Haji Dzulkefly Ahmad (Kuala Selangor)
- 37) YB Tuan Mohamed Azmin bin Ali (Gombak)
- 38) YB Tuan Charles Anthony a/l R. Santiago (Klang)
- 39) YB Tuan Azan bin Ismail (Indera Mahkota)
- 40) YB Tuan Gwo-Burne Loh (Kelana Jaya)
- 41) YB Tuan Wong Ho Leng (Sibu)
- 42) YB Dr. Mujahid Yusof Rawa (Parit Buntar)
- 43) YB Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli (Kuala Krai)
- 44) YB Dato' Haji Wan Abd. Rahim bin Wan Abdullah  
(Kota Bharu)
- 45) YB Tuan Sivarasa a/l K. Rasiah (Subang)
- 46) YB Tuan Khalid bin Abd Samad (Shah Alam)
- 47) YB Tuan Dr. Hiew King Cheu (Kota Kinabalu)
- 48) YB Tuan Chong Chieng Jen (Bandar Kuching)
- 49) YB Tuan Er Teck Hwa (Bakri)
- 50) YB Dato' Haji Taib Azamudden bin Md Taib (Baling)
- 51) YB Prof. Dr. Ramasamy a/l Palanisamy (Batu Kawan)
- 52) YB Dato' Seri Ir. Mohammad Nizar bin Jamaluddin  
(Bukit Gantang)
- 53) YB Tuan Loke Siew Fook (Rasah)

- 54) YB Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff  
(Rantau Panjang)
- 55) YB Dato' Ngeh Koo Ham (Beruas)
- 56) YB Tan Sri Dato' Seri Abd Khalid bin Ibrahim  
(Bandar Tun Razak)
- 57) YB Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)
- 58) YB Tuan Fong Kui Lun (Bukit Bintang)
- 59) YB Puan Fong Po Kuan (Batu Gajah)

**(Perdana Menteri)**